



YOU ARE USM
USM IS YOU

PHS&U

Connecting Library with APEX Community

EDITORIAL BOARD

Corporate Communication Division, PHS

Tel: 04-653 6319/3710/3706/3018

Email: arinawati@usm.my
intanharyati@usm.my
syaufiq@usm.my



www.facebook.com/phsusm



www.instagram.com/phsusm



BULAN KUALITI DAN KELESTARIAN PHS

Bulan Kualiti dan Kelestarian Perpustakaan Hamzah Sendut 2021 telah dilaksanakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat bersama-sama Jawatankuasa 5S, Jawatankuasa Kelestarian Perpustakaan, MyLeanPHS, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Sekretariat Kualiti pada bulan November 2021. Aktiviti ini telah dipersetujui oleh pihak pengurusan Perpustakaan untuk dijadikan sebagai acara tahunan bagi memupuk kesedaran di kalangan staf Perpustakaan dalam hal berkaitan kualiti dan kelestarian.

Pelbagai program telah diatur untuk sambutan Bulan Kualiti dan Kelestarian ini iaitu dengan menganjurkan beberapa aktiviti yang berkaitan dengan kualiti dan kelestarian yang dapat merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya kerja.



BULAN KUALITI & KELESTARIAN PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT 2021

AKTIVITI SEPANJANG BULAN NOVEMBER

MyPHS2021

- Sesi Webex Bersama PHS
- Pertandingan Mobile Legend
- MyPHS Explore Race Through Library Virtual Tour
- MyPHS USMFit - Brisk Walk

MyLeanPHS

- Pertandingan Projek Lean Perpustakaan
- Bual Bicara Pengurusan Lean

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perpustakaan Hamzah Sendut

- Forum Kepentingan Kebersamaan Staf Mengemudi Universiti Semasa Pandemik Covid-19
- Kuiz

Jawatankuasa 5S Perpustakaan

- Gotong Royong 5S Bahagian
- Kecerian Zon
- Pertandingan Bahagian Terbaik
- Pertandingan Pejabat Staf Terbaik

Pertandingan Rekacipta Bahan Kitar Semula

Pertandingan Esei Kualiti & Kelestarian

Audit SIRIM (MS ISO 9001:2015)

 www.lib.usm.my  [phsuscsm](https://www.facebook.com/phsuscsm)  [phsuscsm](https://www.instagram.com/phsuscsm)



“User Satisfaction Survey of Library Services at Perpustakaan Universiti Sains Malaysia during the Movement Control Order (MCO) 2021”


11 Ogos – 12 November 2021

Soal selidik ini dijalankan untuk mengetahui penggunaan perkhidmatan Perpustakaan semasa PKP dan tahap keberkesanan perkhidmatan Perpustakaan.

Maklumbalas tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Perpustakaan USM kepada pelanggan semasa tempoh PKP dan untuk memenuhi keperluan MS ISO 9001:2015 merupakan objektif kajian ini dilakukan.


Soal selidik ini menggunakan borang soal selidik secara atas talian iaitu Google Form, yang dihebahkan secara maya melalui emel umum Perpustakaan dan juga media sosial seperti laman seperti Facebook, Twitter dan Instagram milik ketiga-tiga cawangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Selain itu, pustakawan perhubungan turut memainkan peranan menghebahkan pautan soal selidik kepada setiap jabatan yang ditetapkan.

Semua kategori pengguna Perpustakaan iaitu pelajar, kakitangan akademik, kakitangan pentadbiran dan sokongan, serta lain-lain kategori di tiga kampus iaitu Kampus Induk, Kampus Kesihatan dan Kampus Kejuruteraan USM. 169 responden telah menjawab soalan dalam tempoh yang ditetapkan.




Rajah: Perpustakaan yang digunakan oleh pengguna

Responden yang menyertai kajian ini terdiri daripada pelajar ijazah lanjutan, staf akademik, pelajar ijazah, dan staf pentadbiran.




Rajah: Kategori pengguna



Rajah: Jantina pengguna


Responden menyatakan mereka mendapat maklumat tentang Perpustakaan dari emel rasmi USM dan laman sesawang perpustakaan. Selain itu mereka juga mendapat maklumat dari media social perpustakaan seperti laman Facebook dan Instagram.



Rajah: Di mana pengguna mendapatkan maklumat tentang perpustakaan

5. Frequency of access to library website and library social media platform (FB, Instagram or Twitter) in a week:

169 responses




Rajah: Kekerapan pengguna mengakses laman sesawang dan platform media sosial perpustakaan

Berkenaan tahap responsif staf perpustakaan terhadap pertanyaan pengguna secara dalam talian, sebahagian besar responden mengatakan staf perpustakaan responsif dan sangat responsif


6. Responsiveness of Library staff to all user questions via Library official email, Live Chat services, Facebook and Instagram:

169 responses



Rajah: Tahap responsif staf perpustakaan terhadap pertanyaan pengguna secara dalam talian


Dari segi perkhidmatan perpustakaan yang digunakan semasa PKP, didapati sebahagian besar responden memilih perkhidmatan webinar/kursus dalam talian, USM Library TV dan konsultasi dalam talian. Selain itu, responden turut menggunakan perkhidmatan pembekalan dokumen, Live Chat dan kotak pemulangan buku.



Rajah: Perkhidmatan perpustakaan yang digunakan semasa PKP




Kajian turut mengukur persepsi pengguna terhadap tahap keberkesanan/kualiti perkhidmatan perpustakaan yang digunakan semasa PKP dengan menggunakan skala likert 1-5 (Sangat Lemah – Lemah – Sederhana – Baik – Cemerlang).

Hasil kajian mendapati responden memberi skala 4 dan 5 terhadap kesemua perkhidmatan perpustakaan yang memberi indikasi tahap keberkesanan / kualiti perkhidmatan yang baik dan cemerlang.




Rajah: Tahap keberkesanan dan kualiti perkhidmatan perpustakaan semasa PKP secara keseluruhan

8. Please indicate level of effectiveness/quality concerning the following library services (If you are using a mobile phone, please rotate your device to view this question in landscape mode)




Rajah: Tahap keberkesanan dan kualiti perkhidmatan perpustakaan semasa PKP mengikut perkhidmatan




Rajah: Tahap kepuasan pengguna semasa menggunakan perkhidmatan perpustakaan semasa PKP

Kajian ini turut merekodkan 91 komen dan cadangan tentang perkhidmatan perpustakaan di bahagian akhir kajian. Senarai aduan dan cadangan yang diterima seperti di lampiran dan akan dimaklumkan kepada bahagian berkenaan supaya tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan yang bersesuaian dapat diambil.



Rajah: Maklum balas yang diterima dalam komen dan cadangan mengikut kategori



Rajah: Maklum balas yang diterima dalam komen dan cadangan mengikut perpustakaan

Kajian ini telah memberi input tentang kepentingan perpustakaan dalam kalangan warga Universiti Sains Malaysia dalam menyokong keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan pengguna terutamanya semasa menghadapi kesukaran ketika pandemik Covid-19.

MyPHS2021

Program MyPHS 2021 merupakan program aktiviti Bahagian Perhubungan Pelanggan (BPP) bagi setiap tahun. MyPHS 2021 dianjurkan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang berkenaan dengan pelanggan Perpustakaan USM. Pelanggan telah diberi peluang untuk bertanyakan soalan, mengisi borang kajian kepuasan pelanggan secara dalam talian, berinteraksi dengan pihak perpustakaan dan menyertai pelbagai aktiviti yang disediakan untuk semua pelanggan perpustakaan.

Program ini dapat mendedahkan perkhidmatan dan maklumat baru kepada pengguna Perpustakaan dan menjalinkan hubungan erat antara warga perpustakaan dan pelanggan serta memupuk rasa cinta pelanggan kepada perpustakaan.

Antara objektif program ini ialah:

- ◆ Menyebarkan maklumat tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan.
- ◆ Mendapat informasi yang berguna dan perkongsian maklumat melalui aktiviti yang dianjurkan.
- ◆ Penjanaan kewangan.
- ◆ Membudayakan sikap kakitangan perpustakaan dalam menghargai pelanggan, menjalinkan hubungan erat antara warga perpustakaan dan pelanggan serta memupuk rasa cinta pelanggan kepada perpustakaan.



Tarikh & Masa	Program	Pencapaian
11 Ogos—12 Nov 2021	Kajian soal selidik 'User Satisfaction Survey of Library Services at Perpustakaan Universiti Sains Malaysia during the Movement Control Order (MCO) 2021'	169 responden telah menjawab soalan dalam tempoh yang ditetapkan (Perpustakaan Hamzah Sendut – 44.4% daripada 169 responden). Soal selidik ini menggunakan borang soal selidik secara atas talian iaitu Google Form, yang dihebahkan secara maya melalui emel umum Perpustakaan (Pentadbir emel) dan juga media sosial seperti laman seperti Facebook dan Instagram. Selain itu, pustakawan perhubungan turut memainkan peranan menghebahkan pautan soal selidik.
17 – 20 November 2021	Pendaftaran Pertandingan E-Sport Mobile Legends	Peserta yang dipilih 40 orang peserta.
22 – 26 November 2021	Battle Day – Mobile Legends	Pemenang 1) Kumpulan Lunatic (Pelajar). 2) Kumpulan Rancak Berdosah (Pelajar) 3) Kumpulan Syntax (Pelajar)
22 November – 31 Disember 2021	Pertandingan Reka Cipta Bahan Kitar Semula	
23 November 2021	Sesi Webex Bersama PHS	Objektif Program Webex Bersama PHS - mempromosikan pelbagai perkhidmatan Perpustakaan serta membuka peluang kepada pengguna untuk bertanyakan soalan berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan di PHS. Terdapat 504 people reached dan 65 likes, comments and share.
25 November 2021	USM Fit Talk – 'Tewaskan Obesiti dan Sindrom Metabolik'	Perkongsian ilmu dan pengalaman dalam usaha mencapai berat badan ideal. Tidak terikat dengan satu teknik khusus, sebaliknya membincangkan pelbagai teknik yang ada untuk dikongsikan dan dibincangkan sesama ahli. Dengan Bahasa Melayu sebagai perantara utama untuk memperkayakan khazanah ilmu dalam bahasa ibunda kita. People reached 6.2k dan 285 likes.

Tarikh & Masa	Program	Pencapaian
24 Februari 2022	Majlis Penutup – TNC Penyampaian hadiah : a) Penghargaan Pengguna Perpustakaan 2020 dan 2021 ⇒ Peminjam tertinggi – 2019 (6) Staf dan pelajar. ⇒ Pengunjung tertinggi - 2019 (6) Staf dan pelajar. ⇒ Menghadiri bengkel Rujukan - 2020 hingga 2021 (6) undergraduate dan postgraduate. b) Aktiviti ⇒ Mobile Legend – eSport	

Impak program MyPHS 2021 ialah dapat mewujudkan interaksi atau hubungan yang baik antara Perpustakaan dan pelanggan Perpustakaan. Seterusnya mewujudkan “Keluarga PUSM” di kalangan warga universiti. MyPHS 2021 juga memberi pendedahan perkhidmatan yang ditawarkan di Perpustakaan sama ada perkhidmatan baharu atau yang sedia ada. Selain itu program MyPHS dapat mempertingkatkan kefahaman perkhidmatan di dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran di universiti.


AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Oleh: Jawatankuasa Amalan Persekitaran Berkualiti 5S 2021/2022

<https://sites.google.com/view/5sperpustakaanusm>



CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA AMALAN PERSEKITARAN 5S



Amalan Persekitaran Berkualiti adalah satu amalan piawaian atau standard yang berlandaskan 5S yang dicetuskan oleh perindustrian di Jepun sekitar tahun 80an. Pada 1986 Singapura merupakan negara ASEAN pertama menerapkan 5S. Konsep 5S adalah batu asas dalam mengawal, meningkatkan kualiti dan produktiviti melalui amalan 5S. Apabila konsep 5S diterap masuk ke Malaysia, ia disesuaikan dengan keperluan dan persekitaran organisasi di Malaysia dengan mengekalkan 5 tunjang utama iaitu:

1. SISIH

Mengasingkan barang yang tidak diperlukan sama ada untuk dibuang sebagai sisa berjadual atau dimasukkan ke dalam pengkelasan kitar semula berdasarkan kategori kertas, kaca, logam dan plastik.

2. SUSUN

Menyusun barang yang digunakan dengan kemas dan teratur untuk memudahkan akses kepada barang tersebut dan barang yang tidak digunakan untuk suatu tempoh tetapi diperlukan pada kemudiannya disimpan dengan kemas dan teratur di tempat penyimpanan atau stor.

3. SAPU

Membersihkan persekitaran tempat kerja dan ruang individu agar sentiasa bersih kemas dari habuk, sampah pepejal dan cecair.

4. SERAGAM

Menyeragamkan susunan, pengkelasan etika atau tatacara mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

5. SENTIASA AMAL

Mengamalkan secara berterusan Susun, Sisih, Sapu dan Seragam melalui inovasi, latihan dan promosi agar amalan 5S berkembang.

Objektif Amalan Persekitaran Berkualiti 5S ini dilaksanakan adalah untuk:

- Menjadikan amalan 5S sebagai budaya kerja berterusan dan memupuk kerjasama di kalangan staf.
- Meningkatkan kualiti, produktiviti dan profesionalisme staf.
- Mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, kemas dan sistematik.

Aktiviti-aktiviti yang menerapkan amalan 5S ini adalah sangat penting dilakukan oleh semua staf PHS kerana boleh memberikan kesan positif bukan sahaja kepada staf tetapi juga kepada Perpustakaan seperti:

- Persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas dan selamat.
- Pengurusan perkhidmatan Perpustakaan menjadi mudah, cekap dan selamat.
- Pengurusan stor dan dokumen yang lebih berkesan.
- Penggunaan kaedah dan piawaian urusan kerja yang jelas.
- Penggunaan ruang kerja yang optimum.
- Peningkatan semangat kerja berpasukan.
- Peningkatan kecekapan sistem penyampaian.
- Peningkatan imej korporat Perpustakaan.

Sempena Bulan Kualiti dan Kelestarian PHS 2021, Jawatankuasa Amalan Persekitaran 5S telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berikut:



AKTIVITI 5S SEMPENA BULAN KUALITI & KELESTARIAN PERPUSTAKAAN HAMZAH SENDUT

19 Nov 2021

Taklimat 5S oleh Ketua Pustakawan

22 Nov - 1 Dis 2021

Gotong-royong 5S Bahagian

22 Nov - 1 Dis 2021

Pertandingan Reka Cipta Bahan Kitar Semula

22 Nov - 1 Dis 2021

Keceriaan Zon




22 Nov - 1 Dis 2021

Pertandingan Bahagian Terbaik

22 Nov - 1 Dis 2021

**Pertandingan Pejabat
Staf Terbaik**

*Hadiah
Menarik,
Menanti!*







Aktiviti lain yang diadakan semasa Bulan Kualiti dan Kelestarian ini adalah:

Penilaian dan Pemarkahan Pertandingan Bahagian Terbaik dan Pejabat Staf Terbaik

Tarikh : 12 & 13 Januari 2022 (Rabu & Khamis)

Masa: 9.30 pagi - 4.00 petang



Aktiviti-aktiviti yang menerapkan amalan 5S perlu dijalankan di setiap organisasi supaya semua staf dapat menerapkan budaya amalan 5S dalam diri masing-masing sepanjang masa. Melalui amalan 5S, disiplin dan etika kerja yang baik akan dibina di kalangan staf yang akan menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik, kerja berkualiti, memupuk semangat berpasukan dan tolong-menolong. Justeru itu, amalan 5S ini akan membantu Perpustakaan meningkatkan mutu perkhidmatan untuk menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan pengguna Perpustakaan.

MYLEANPHS

Oleh: *Arinawati Ayob, Mohd Kamal Mohd Napiah, Noor Azlinda Wan Jan, Shahriza Fadly Misaridin, Ahmad Syaufiq Abd Hamid, Mohammad Shuhaimi Idris dan Hasril Fadzli Hasan*

Selari dengan inisiatif baharu Universiti Sains Malaysia (USM) ke arah peningkatan penyampaian perkhidmatan, 10 inisiatif strategik baharu telah disasarkan pada tahun 2020 dan salah satu inisiatif tersebut ialah meningkatkan kecekapan proses kerja melalui Pengurusan Lean yang dapat dilihat melalui 3 pendekatan iaitu:

- Mengurangkan birokrasi melalui proses 'empowerment'
- Memendekkan proses kerja sebanyak 30% di pelbagai peringkat
- Mewujud dan mengkaji semula 'Authority Matrix'


Perpustakaan Hamzah Sendut adalah salah satu Jabatan yang telah dipilih untuk menjalankan 'Pilot Projek Peningkatan Kecekapan Proses Kerja USM 2020'. Bagi menjayakan pilot projek ini, satu kumpulan pengurusan lean telah ditubuhkan di Perpustakaan dan diberi nama MyLeanPHS.

Nama Kumpulan : MyLeanPHS, USM, Kampus Induk

Tajuk Projek : Peningkatan Kecekapan Pemprosesan Buku Perpustakaan

Ringkasan projek:

Kumpulan MyLeanPHS adalah kumpulan pertama yang ditubuhkan di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia untuk menjalankan projek Lean Management di Perpustakaan. Kumpulan kami terdiri daripada 7 orang ahli dari pelbagai gred jawatan dan juga dari Bahagian yang berbeza.





Projek ini adalah berdasarkan situasi semasa pemprosesan buku yang mengambil masa 45 hari untuk disiapkan dan ianya melibatkan tiga Bahagian iaitu Bahagian Perolehan, Bahagian Pengkatalogan dan Bahagian Sirkulasi.

Objektif projek ini adalah untuk mengurangkan 30% tempoh pemprosesan buku iaitu daripada 45 hari kepada 30 hari. Projek ini bermula dari proses penerimaan buku sehingga ianya sedia disusun di rak untuk dipinjam/digunakan oleh pelanggan.

Sasaran projek adalah untuk meningkatkan kecekapan pemprosesan buku dengan mengurangkan masa memproses buku sebanyak 30%. Dari analisa pembaziran yang telah dibuat, kami telah mengenalpasti beberapa pembaziran yang boleh dihapuskan supaya proses berjalan dengan lebih cepat. Untuk merealisasikan projek ini, pelan tindakan untuk kaizen telah dirancang mengikut punca-punca masalah utama. Sebanyak 13 kaizen telah dicadangkan dan dijalankan bagi penambahbaikan proses kerja tersebut.

Berikut adalah ringkasan pencapaian projek tersebut:

No.	Metriks Lean Lean Metrics	Pencapaian Achievement		Peratus Peningkatan % Increased
		Sebelum Before	Selepas After	
1	Lead Time (min)	79827	37106	-54%
2	Processing Time (min)	12152.6	17648.4	45%
3	Activity Ratio	15%	47.56%	216%
4	Value Added Time (min)	8	8	0%
5	Non-Value Added Time (min)	67680	19457.6	-71.25%
6	Process Steps	77	48	-37.66%
7	Value Added Process Steps	3	3	0 %
8	Non-Value Added Process Steps	32	16	-50%
9	First Time Quality	97.5%	99.5%	2.05 %

LAPORAN IMPAK PROJEK PENINGKATAN KECEKAPAN PROSES KERJA MELALUI LEAN MANAGEMENT				
Bil No.	Matriks Lean <i>Lean Metrics</i>	Pencapaian <i>Achievement</i>		Peratus Peningkatan/ Penurunan <i>% Increased/Decreased</i>
		Sebelum <i>Before</i>	Selepas <i>After</i>	
PENINGKATAN KECEKAPAN PEMROSESAN BUKU PERPUSTAKAAN (PHS)				
1.	Pengurangan Kos (RM sebulan) <i>Cost Reduction</i>	82,200	60,500	26.40%
2.	Peningkatan Kepuasan Pelanggan (%) <i>Customer Satisfaction Improvement</i>	3.55	3.85	8.45%
3.	Motivasi Pekerja (%) <i>Increase Staff Motivation</i>	3.55	3.89	9.58%
4.	Pengurangan Lead Time (Minit) <i>Lead Time Reduction</i>	79827	37106	54%
5.	Peningkatan Kualiti (%) <i>Quality Improvement</i>	3.45	4.00	15.94%
6.	Peningkatan Produktiviti <i>Productivity (Output) Improvement</i> <i>*Bil buku yang diproses dlm tempoh yang sama (45 hari)</i>	16	34	112.5%
7.	Pengurangan/Optimum Tenaga Kerja (Bilangan Staf) <i>Workforce Reduction/Optimization</i>	43	33	23.26%
8.	Penglibatan Pihak Pengurusan (%) <i>Top Management Involvement</i>	100	100	100%
9.	Lain-lain <i>Others: Jarak</i>	70.41 m	31.09 m	55.84%



Bagi melancarkan perjalanan projek serta meningkatkan kefahaman staf Perpustakaan tentang Pengurusan Lean, beberapa sesi perbincangan dan pembentangan telah dijalankan di Perpustakaan. Seterusnya sempena Bulan Kualiti dan Kelestarian Perpustakaan Hamzah Sendut yang bermula pada November 2021, beberapa aktiviti juga telah dijalankan dalam usaha membawa konsep pengurusan lean di dalam budaya kerja di Perpustakaan.

1. Taklimat Pengurusan Lean

Tajuk: Aplikasi Pengurusan Lean di Tempat Kerja

Tarikh: 1 Disember 2021 (Rabu)

Masa: 10.00 pagi

Tempat: Diadakan secara dalam talian (webex)

Penceramah: Dr. Tengku Mastura Tengku Mohd

2. Taklimat Pembentangan Projek Lean Management Perpustakaan USM

Tarikh : 27 Januari 2022 (Khamis)

Masa : 9:00 - 11:00 pagi

Tempat : Diadakan secara dalam talian (webex)

Fasilitator: Arinawati Ayob, Mohd Kamal Mohd Napiah, Noor Azlinda Wan Jan dan Ahmad Syaufiq Abd Hamid

3. Pertandingan Projek Lean Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

7 cadangan projek lean yang baharu iaitu satu projek dari setiap Seksyen dan Cawangan Perpustakaan akan dibentangkan di dalam pertandingan yang akan dijadualkan pada tahun 2022.



USM **APEX**™ **PERPUSTAKAAN**
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA


APLIKASI PENGURUSAN LEAN DI TEMPAT KERJA

TARIKH: 1 DISEMBER 2021 (RABU)
MASA: 10 PAGI
MEDIUM: WEBEX

DR TENGKU MASTURA TENGKU MOHD
KETUA PERKHIDMATAN PENGURUSAN
PENTADBIRAN & LATIHAN DALAM
PERKHIDMATAN, UNIT KLINIKAL,
HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

<https://tinyurl.com/pengurusanlean>





UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
LIBRARY | Universiti Sains Malaysia

PHS&U

Connecting Library with APEX Community

Edisi: Julai hingga Disember 2021

Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Hamzah Sendut
Universiti Sains Malaysia